

Banci 2020 tentu hala tuju

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Laporan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 menjadi input terbaik dalam menentukan hala tuju negara termasuk menjayakan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Berdasarkan laporan tersebut, negara kini mempunyai penduduk seramai 32.4 juta iaitu 91.7 peratus warganegara manakala baki 2.7 juta bukan warganegara.

Menurut beliau, penduduk lelaki juga lebih ramai iaitu 52.3 peratus berbanding wanita 47.7 peratus atau nisbah 110 lelaki berbanding 100 wanita.

Selain itu, laporan daripada Jabatan Perangkaan (DOSM) menunjukkan Purata Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR) penduduk adalah 1.7 peratus dalam tempoh 10 tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagi statistik mengikut etnik, penduduk bumiputera mencatatkan peratusan tertinggi 69.4 peratus diikuti Cina (23.2 peratus), India (6.7 peratus) dan lain-lain (0.7 peratus).

“Penghasilan profil terperinci akan digunakan untuk membuat perancangan dan keputusan berkenaan perkhidmatan awam yang diperlukan bagi setiap lokaliti seperti hospital, sekolah, jalan raya dan pen-



ISMAIL Sabri Yaakob bersama Mustapa Mohamed (kanan) dan Mohd. Uzir Mahidin melancarkan Laporan Penunjuk Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 di Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) di Shah Alam semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

gangkutan awam. Ia akan digunakan untuk pengiraan pendapatan perkapita, penggubalan dasar-dasar warga emas dan perancangan sosial.

“Maklumat dikumpulkan melalui banci akan digunakan untuk menilai pencapaian negara masa kini dan memberi gambaran kepada kita, di mana kita berada,” kata beliau ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Laporan Penunjuk Utama

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 di Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) di sini semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd. Shafiq Abdullah dan Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Menurut beliau, maklumat

banci akan digunakan sebagai input berasaskan bukti dalam penentuan geran per kapita, penggubalan dasar utama dan hala tuju WKB 2030.

“Perkara itu juga menjadi penilaian pencapaian serta penghasilan menjurus kepada keperluan pengukuran pencapaian RMK-12 seterusnya meningkatkan taraf hidup Keluarga Malaysia bertepatan dengan prinsip WKB 2030,” jelas beliau.